



**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN  
SENIOR DEPUTY SECRETARY GENERAL**

Jabatan Perdana Menteri  
Aras 4, Blok B8  
Kompleks Jabatan Perdana Menteri  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya

Tel : 03-8000 8000  
Faks : 03-8888 3834  
Web : <http://www.jpm.gov.my>  
Emel : [jpm@jpm.gov.my](mailto:jpm@jpm.gov.my)

BPH/AM/15/17 Jld. 4 ( 3 )  
13 Disember 2019

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Pengarah

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**KUTIPAN BALIK TUNGGAKAN SEWA KUARTERS KERAJAAN DAN  
MAKLUMAT PEGAWAI YANG TELAH HILANG KELAYAKAN  
MENDUDUKI KUARTERS KERAJAAN DI BAWAH BAHAGIAN  
PENGURUSAN HARTANAH, JABATAN PERDANA MENTERI**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bertanggungjawab dalam menguruskan kquarters gunasama Kerajaan di Putrajaya, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Johor dan Labuan yang diduduki oleh penjawat awam dari pelbagai kementerian dan agensi Kerajaan.

3. Selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Bilangan 1 Tahun 2012, Pusat Tanggungjawab hendaklah memastikan potongan Bantuan Sara Hidup (BSH) dan Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)/Elaun Perumahan Wilayah (EPW) dilaksanakan bagi pegawai yang menduduki kquarters Kerajaan. Sebagai makluman tambahan, Mesyuarat Penyelarasan Akaun Belum Terima (ABT) Bahagian Pengurusan

Hartanah, Jabatan Perdana Menteri (Tunggakan Sewa Kuarters) Bersama Semua Kementerian pada 11 Oktober 2016 telah bersetuju supaya Ketua Jabatan memastikan ABT bagi tunggakan sewa kuarters Kerajaan yang melibatkan pegawai di Kementerian/Jabatan dikutip dan akaun berkenaan diselenggara di bawah Kementerian/Jabatan masing-masing.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan dimohon untuk mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- i. Menyelenggara ABT bagi tunggakan sewa kuarters Kerajaan selaras dengan Arahan Perbendaharaan 53 dan 53A yang menyatakan mengenai tanggungjawab Pegawai Pengawal untuk melaksanakan kewajipan kewangan Kementerian/Jabatan masing-masing dengan sempurna dan Pegawai Pengawal selaku pegawai perakaunan ketika melaksanakan tanggungjawab kewangan hendaklah mematuhi Piawaian Perakaunan Kerajaan, Surat Pekeliling dan Surat Arahan Akauntan Negara Malaysia yang berkuat kuasa;
- ii. Melaksanakan potongan gaji pegawai bagi menjelaskan tunggakan sewa kuarters dengan kaedah pendahuluan diri selaras dengan Arahan Perbendaharaan 327 (a) dan (b) yang menyatakan apabila satu pembayaran lebih atau pembayaran yang salah dibuat, pembayaran balik hendaklah didapatkan balik daripada penerima bayaran dan jika penerima bayaran itu seorang Pegawai Awam, Pegawai Pengawal boleh membenarkan pegawai itu memulang balik

pembayaran lebih itu dengan ansuran bulanan dengan syarat bayaran balik sepenuhnya dilakukan dengan secepat mungkin dan tidak lewat dari 18 bulan selepas bayaran itu diketahui; dan

- iii. Mengemukakan maklumat kutipan balik atau salinan penyata kewangan, penyata gaji atau bukti pembayaran kepada BPH untuk pengemaskinian rekod.
5. Selain itu, kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan juga dimohon untuk memaklumkan BPH sekiranya terdapat pegawai-pegawai di Kementerian/Jabatan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/ Datuk/Dato'/Tuan/Puan yang telah hilang kelayakan untuk menduduki kuarters Kerajaan seperti berikut:
- i. Bersara wajib/pilihan atau tamat kontrak perkhidmatan;
  - ii. Meletak jawatan atau berhenti/diberhentikan perkhidmatan;
  - iii. Dikenakan tindakan tatatertib dengan hukuman gantung kerja melebihi tiga (3) bulan atau dikenakan hukuman buang kerja;
  - iv. Dikenakan tindakan oleh Mahkamah Sivil atau Syariah;
  - v. Diarahkan bertukar penempatan ke lokasi lain selain dari lokasi kuarters;
  - vi. Diarahkan bertugas ke luar negara;
  - vii. Meninggal dunia;

- viii. Mengambil Cuti Tanpa Gaji atau Cuti Separuh Gaji;
  - ix. Mengambil Cuti Belajar Tanpa Gaji atau Cuti Belajar Separuh Gaji atau Cuti Belajar Bergaji Penuh; dan
  - x. Memiliki rumah melalui pembiayaan Skim Pinjaman/ Pembiayaan Perumahan Kerajaan dalam lingkungan 25 kilometer radius (garis lurus) dari mercu tanda yang ditetapkan.
6. Kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/ Tuan/Puan diharapkan untuk memanjangkan makluman ini kepada semua agensi di bawah Kementerian/Jabatan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/ Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan.
7. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/ Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara tersebut amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

*Salam Hormat*

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“BERILTIZAM PENUHI HASRAT”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD)**

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan  
Jabatan Perdana Menteri